

Rotan: Undang pelbagai reaksi

SINAR HARIAN
08/04/10
M/S
N10

WAN MOHD NOOR HAFIZ & SHAHIZATUL FARHA

SHAH ALAM - Cadangan Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Wee Ka Siong kelmarin untuk menguatkuasakan kembali hukuman rotan di sekolah-sekolah membendung masalah disiplin di kalangan pelajar menimbulkan reaksi berbeza-beza di kalangan ibu bapa.

Seorang ibu, Salmah Aziz, 55, menyokong cadangan kementerian untuk melaksanakan kembali hukuman rotan di sekolah kerana masalah disiplin pelajar sekarang semakin membimbangkan.

"Pihak sekolah memang seharusnya merotan pelajar nakal yang kerap melakukan kesalahan.

"Pelajar-pelajar ini perlu dirotan sehingga tiga kali tetapi janganlah terlalu melampau sehingga memudaratkan pelajar," katanya.

Menurutnya, selain daripada hukuman rotan tersebut, pihak sekolah dan ibu bapa harus bekerjasama membimbing dan meningkatkan motivasi pelajar untuk membendung masalah salah laku pelajar.

Maisarah Mansor, 34, turut menyokong usaha ke-



● SALMAH AZIZ



● ROSLI NORANI

menterian untuk menguatkuasakan kembali hukuman rotan bagi mengurangkan masalah salah laku pelajar.

"Hukuman rotan ini memang wajar dilaksanakan. Jika tidak, para pelajar akan terbiasa dan kerap melakukan kesalahan dan menyebabkan mereka terlibat di dalam gejala sosial yang lebih serius," katanya.

Menurutnya, tidak semestinya warden atau guru disiplin **bendung masalah** sahaja yang mempunyai kuasa untuk merotan pelajar, tetapi guru-guru biasa juga perlu dibenarkan untuk menghukum mereka sekiranya tidak membuat kerja sekolah yang diberikan.

Rosli Norani, 43, sebaliknya tidak bersetuju kepada berpendapat pelaksanaan hukuman rotan tidak sesuai

dipraktikkan walaupun pelajar melakukan kesalahan disiplin kerana seolah-olah mendera pelajar berkenaan.

Bapa kepada lima anak yang masih bersekolah itu berkata, masalah salah laku yang melibatkan pelajar perlu ditangani bersama oleh semua pihak

"Sistem rotan tidak akan memberi kesan kepada pelajar. Ibu bapa dan guru seharusnya menitikberatkan hal-hal ke-rohanian dan dalaman pelajar seperti memberi didikan agama dan moral yang secukupnya," katanya.

Menurutnya, kebanyakan masalah pelajar adalah berpunca daripada kurangnya perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa.